




Hujan lebat sejak petang semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di Kampung Sri Langkas Tambahan, Puchong.
[FOTO IHSAN BOMBA SELANGOR]

Lembah Klang banjir kilat

» *Hujan lebat sejak semalam menyebabkan tanah runtuh, pokok tumbang*

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Hujan lebat sekitar Lembah Klang petang semalam, menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air, selain berlaku kejadian pokok

tumbang dan tanah runtuh.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata satu kejadian tanah runtuh memabitkan tebing bukit di Jalan Damai Perdana, Damai Perdana, Kajang.

Katanya, bomba menerima laporan kejadian pada jam 6.30 petang dan sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kajang dikejarkan ke lokasi.

“Pemantauan mendapati berlaku runtuhan di dua kawasan di kawasan berhampiran, namun tidak serius.

“Kejadian berkenaan tidak memabitkan mangsa atau

harta benda,” katanya, semalam.

Mangsa dipindah

Sementara itu, empat orang terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka di Kampung Sri Langkas Tambahan, Puchong, dekat sini, dinaiki air.

“**Berlaku runtuhan di dua kawasan, namun tidak serius**”

Mohd Sani Harul,
Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor

“Bomba menerima laporan kejadian banjir pada jam 5.46 petang, dan sepasukan bomba dari BBP Puchong membantu memindahkan mangsa ke sebuah dewan orang ramai di situ.

“Pihak bomba turut menerima laporan kejadian pokok tumbang berlaku di jalan utama Taman Mas, Cheras pada jam 9.07 malam.

“Sepasukan anggota dari BBP Kajang ke lokasi untuk kerja memotong dan mengalihkan pokok berkenaan,” katanya.

Katanya, kejadian banjir turut dilaporkan berlaku di Kampung Jernih, Batu 14 Jalan Cheras, namun tiada mangsa dilaporkan terbabit.